

17/08/2004

Perjuangan mendaulatkan negara belum berakhir

By Ahmad Fauzi Mustafa

PADA 31 Ogos ini, genaplah 47 tahun Malaysia mencapai kemerdekaannya. Satu jangka masa yang menempatkan bangsa dan negara ini megah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain. Rakyat juga mencapai tahap kehidupan tinggi dan setanding dengan negara maju.

Pencapaian ini sesuatu yang amat tinggi nilainya dan wajar bangsa Malaysia mendapat pengiktirafan sedemikian dalam persaingan pesat dunia kini.

Apa pun, pencapaian dinikmati itu jangan sampai menjadikan bangsa kita alpa dan lalai dibuai kemewahan serta kesenangan hidup yang dikecapi selama ini. Bahkan, yang penting kita perlu meneruskan kesinambungan perjuangan dalam meniti kehidupan berbangsa dan negara berdaulat.

Perjalanan masih jauh dan liku perjuangan yang ditempuhi amatlah mencabar. Semua ini menuntut supaya setiap bangsa Malaysia mempunyai semangat patriotik yang sebenarnya, bukannya berpura-pura serta hipokrit dalam melayari bahtera samudera kehidupan.

Jadilah bangsa yang gigih dan rajin bekerja demi kesejahteraan bumi Malaysia. Dalam tempoh lebih empat dekad itu, kita mengalami banyak perubahan.

Pertumbuhan ekonomi semakin berkembang kukuh, kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar meningkat, tahap pendidikan semakin maju dan tinggi, tahap kehidupan rakyat dan penduduk terus meningkat maju.

Kesihatan dan perkhidmatan sosial maju dan berkembang pesat. Perlu diingat kestabilan politik dan kekuatan ekonomi adalah perkara pokok yang menyumbang kepada keharmonian dan kestabilan negara. Pendek kata segala isi dalamnya, menikmati erti buah pembangunan yang dicipta oleh kemerdekaan.

Kemajuan yang dinikmati di bawah lima Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah hasil toleransi dan kebijaksanaan mereka dalam memakmurkan masyarakat majmuk negara ini.

Kecemerlangan itu biarlah berpanjangan dan berkekalan. Untuk mengekalkan semua itu, ramuannya mudah dan tidak memerlukan banyak modal. Syarat utama setiap rakyat mestilah mempunyai semangat cintakan negara iaitu memiliki semangat patriotisme.

Rakyat yang patriotik penyumbang kehebatan bangsa. Soalnya selama 47 tahun bangsa Malaysia menghirup udara merdeka, apakah kita sudah berpuas hati dengan pencapaian semangat patriotisme.

Malah, sejauh mana rakyat kita terutama generasi muda menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan harian. Adakah ia menepati tema sambutan kemerdekaan kali ini yang mengungkap untaian indah iaitu 'Kerana Mu Malaysia'?

Adakah memadai sekadar setiap rakyat mengibarkan bendera sebagai satu wadah bagi membuktikan ketaatan dan kecintaan kepada negara sendiri sekali gus menjadi lambang patriotisme?

Tetapi apa yang mendukacitakan masih ramai rakyat negara ini yang belum menaikkan bendera. Bangunan kerajaan dan swasta amat berkurangan mengibarkan Jalur Gemilang, malah sekiranya berbuat demikian, sekadar menunggu hari bermula kempen mengibarkan bendera.

Di manakah ketaatan kita dan di manakah semangat patriotisme yang dilaung-laungkan, sedangkan rakyat berjiwa patriotik aset paling berharga? Malah, lebih mahal daripada intan berlian ke arah menyumbang kepada

kehebatan dan keteguhan negara.

Kurangnya semangat patriotik di kalangan generasi muda hari ini dilihat salah satu sebab sebahagian daripada mereka lebih cenderung kepada kegiatan tidak berfaedah seperti terbabit dalam budaya hedonisme (mementingkan hiburan atau keseronokan) dan sebagainya kerana jiwa mereka kosong dari segi nilai dan rasa kecintaan kepada agama, bangsa dan negara.

Hal ini mungkin disebabkan salah satu faktornya ialah pendedahan terhadap patriotisme yang diterima masih kurang atau jika banyak pun, kurang berkesan. Jadi usaha pemupukan unsur patriotisme merentas kurikulum, khasnya dalam mata pelajaran Kajian Tempatan harus dipastikan dijalankan dengan penuh kesungguhan.

(END)